



TANDATANGANI... Najib Tun Razak (kiri) sempat menandatangani buku biodatanya bertajuk 'Datuk Seri Najib' dari Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Tan Sri Abdul Hamid Egoh (kanan) selepas menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MOU) di antara FELDA dan agensi-agensi Fama, Mardi, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Malaysia Agrifood Corporation Bhd (MAFC) anak Syarikat khazanah Malaysia Berhad di Dewan Perdana FELDA kelmarin.-Foto Bernama

UMS antara tujuh agensi t-tangani MoU dengan FELDA

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara FELDA dan tujuh agensi berkaitan secara serentak di sini kelmarin.

Kesemua adalah agensi yang menyokong Program Gedung Makanan Negara yang dicitukan oleh Najib untuk dilaksanakan FELDA.

Agensi tersebut ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk projek pemasaran produk pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) bersama-sama Jabatan Pertanian bagi projek penyelidikan dan pembangunan sektor pertanian.

Jabatan Perikanan untuk pembangunan projek ikan tilapia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk projek pengeluaran lembu pedaging, Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk projek penyelidikan rumpai laut dan Malaysia

Agrifood Corporation Berhad (MAFC) untuk projek penanaman fertigasi tembikai madu.

FELDA diwakili oleh pengarah besarnya Datuk Dzulkifli Abd Wahab, UMS diwakili oleh Naib Canselornya Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon dan MAFC oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Azizi Meor Ngah.

Sementara Fama, Mardi, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar diwakili oleh ketua pengarah masing-masing iaitu Datuk Mohamed Shariff Abd Aziz, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman, Datuk Roseley Khalid, Datuk Junaidi Che Ayub dan Datuk Dr Abd Aziz Jamaluddin.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana

Menteri Datuk Ahmad Maslan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Hashim Abdullah dan Pengerusi FELDA Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.-Bernama